

UMJ 22 JUN 2009.

Kaji temasya sukan Orang Asli

SERDANG 21 Jun –
Kementerian Kemajuan Luar
Bandar dan Wilayah sedang
mengkaji kemungkinan
mengadakan temasya sukan
bagi masyarakat Orang Asli dan
penduduk luar bandar untuk
memudahkan pencarian bakat
sukan di kalangan mereka.

Menterinya, Datuk Seri
Shafie Apdal berkata, walaupun
fokus kementerian untuk
meningkatkan taraf hidup dan
ekonomi masyarakat luar
bandar termasuk Orang Asli,
pihaknya melihat perkara itu
sebagai satu daripada cabang
untuk meningkatkan taraf
hidup mereka.

“Memang potensi ada,
masyarakat yang terdedah
kepada persekitaran seperti
hutan, ladang dan kampung
memang melalui cabaran
fizikal setiap hari.

“Jadi saya rasa kita boleh
gunakan potensi fizikal mereka
dalam pencarian atlet-atlet untuk
sukan-sukan tertentu,” katanya.

Beliau berkata demikian
pada sidang akhbar selepas
merasmikan Majlis Penutupan
Kejohanan Sukan Majlis
Kebajikan dan Sukan
kementerian berkenaan
di Universiti Putra Malaysia
(UPM) di sini hari ini.